

Pak Lah bidas pihak ambil kesempatan

BH - 27/6/2008

PM dedah golongan menanggung di air keruh untuk kepentingan peribadi

Oleh Azhar Abu Samah, Anwar Hussin, Zainab Mohd Yatim, Abdul Halim Yusoff, Nazura Ngah dan Sazarina Shahrim

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi membidas pemimpin dan kumpulan tertentu yang cuba mengambil kesempatan untuk merebut kuasa dengan cara yang tidak demokratik ketika kerajaan berusaha menangani krisis kenaikan harga minyak dan komoditi.

Sehubungan itu, Perdana Menteri menasihatkan rakyat supaya menumpukan usaha ke arah menghadapi cabaran dan melakukan penyesuaian, bukannya membenarkan pihak terbabit menanggung di air keruh dan mengapi-apikan sentimen dengan janji palsu semata-mata untuk memenuhi agenda peribadi.

"Ketika saya dan rakan sejawat serta pegawai tinggi kerajaan dan wakil swasta berusaha menentukan langkah perlu diambil bagi menangani krisis dan mengurangkan beban rakyat, ada pula yang mengambil kesempatan cuba merampas kerajaan dengan cara tidak demokratik.

"Saya percaya rakyat boleh melihat yang mana benar dan yang mana palsu. Saya percaya rakyat bijak menilai langkah yang diambil bagi memelihara kepentingan rakyat dan bagi menjaga kebajikan golongan berpendapatan rendah dan sederhana.

"Saya percaya pada suara dan hati budi rakyat," katanya ketika membentangkan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) di Dewan Rakyat, semalam.

Abdullah berkata, rakyat harus tabah dan bersatu hati dalam mengemblem tenaga bagi menangani krisis itu kerana kemelut berkenaan bakal memberi impak negatif bukan hanya dalam tempoh akhir RMK-9, malah untuk tahun seterusnya.

Beliau berkata, kenaikan harga minyak dunia adalah cabaran terbesar yang menghimpit ekonomi negara dalam menempuh tempoh akhir RMK-9.

"Hakikatnya, kenaikan harga minyak satu fenomena global yang melanda semua negara dan antara sebab utama yang membawa kepada kenaikan harga yang melampau pada waktu ini adalah keadaan geopolitik dunia yang tidak menentu.

"Serangan ke atas Iraq oleh Amerika Syarikat pada 2003, melumpuhkan sebuah daripada negara pengeluar minyak utama dunia dan menimbulkan keadaan kacau-bilau di Asia Barat yang masih belum reda," katanya.

Beliau berkata, serangan ke atas



JADI TUMPUAN: Abdullah diiringi Najib keluar dari Dewan Rakyat selepas membentangkan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), semalam.

Afghanistan sebelum itu turut membawa impak negatif kepada kestabilan harga minyak di pasaran dunia dan paling mutakhir, ancaman Israel menyerang Iran turut menyumbang kepada ketegangan geopolitik yang membawa kepada kenaikan harga minyak.

Katanya, permintaan yang tinggi oleh negara tertentu seperti China dan India, di samping keengganan negara Opec untuk menaikkan tahap pengeluaran minyak secara ketara, juga menjadi antara penyebab utama yang membawa kepada kenaikan harga minyak.

"Keadaan ini diburukkan lagi oleh kegiatan spekulator pasaran minyak di pusat kewangan antarabangsa seperti New York dan London, yang turut menyuntik ketidakpastian," katanya.

Abdullah berkata, ekonomi negara turut dihimpit oleh keadaan pasaran kewangan sedunia yang masih belum pulih daripada krisis subprima.

Katanya, ramai pakar ekonomi menjangka krisis itu mampu membawa kepada kemelesetan ekonomi sedunia, yang pastinya akan turut mengheret ekonomi Malaysia ke dalam suasana gawat.

"Hakikatnya, negara kini berdepan dengan pelbagai cabaran yang cukup genting, akibat faktor luaran yang di luar kawalan kita.

"Untuk mengekalkan keupayaan negara bagi mendepani cabaran itu, maka kerajaan perlu berani membuat keputusan serta cekal melakukan perubahan demi kesejahteraan rakyat dan kepentingan negara dalam jangka masa panjang.

"Ini termasuk keputusan baru-baru ini untuk menyusun semula subsidi minyak dan gas di dalam negara," katanya.

“Ketika saya berusaha menangani krisis, ada pula yang cuba merampas kerajaan dengan cara tidak demokratik”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

Perdana Menteri berkata, kerajaan sedar langkah itu akan meningkatkan beban hidup rakyat, tetapi ia perlu agar subsidi yang dimaksudkan dapat disampaikan kepada mereka yang benar-benar layak dan memerlukannya.

Selain itu, langkah berkenaan dapat memberi fleksibiliti kepada kewangan negara dalam berhadapan dengan risiko berlakunya kemelesetan ekonomi sedunia pada waktu terdekat ini.

Beliau berkata, dalam suasana kenaikan harga minyak dan ketidakpastian disebabkan faktor luaran, amat sukar bagi sesebuah negara seperti Malaysia untuk melindungi rakyat secara sepenuhnya daripada impak negatif yang bersifat global.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan terus komited untuk melaksanakan segala yang termampu bagi meringankan beban rakyat dan memelihara kualiti hidup yang baik.

"Insya-Allah, hasrat kita untuk membina sebuah negara yang selamat, aman dan makmur pastinya akan tercapai dengan adanya usaha bersungguh-sungguh serta kerjasama erat di kalangan kita semua," katanya.